

BAB 9 DANA PENJELASAN

9.01 Penubuhan Dana Penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan akan menubuhkan dan menyenggarakan Dana Penjelasan bagi tujuan melindungi Pusat Penjelasan daripada kerugian yang timbul dalam keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 9.06.
- (2) Pusat Penjelasan akan menentukan saiz Dana Penjelasan dengan mengambil kira obligasi dan risiko prestasi yang ditanggung oleh Pusat Penjelasan berhubung dengan Kontrak Terbuka, jumlah pasaran, ketaktentuan harga dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang boleh dianggap berkaitan oleh Pusat Penjelasan.

9.02 Caruman Dana Penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan boleh pada bila-bila masa meminta Peserta Penjelasan membuat pembayaran kepada Dana Penjelasan sebagaimana yang dianggap sesuai olehnya mengikut Kaedah-kaedah ini.
- (2) Tertakluk kepada Kaedah 9.02(8) dan 9.09(3), setiap Peserta Penjelasan mesti membuat pembayaran tersebut kepada Dana Penjelasan dan mengekalkan Caruman Dana Penjelasannya mengikut kehendak Pusat Penjelasan.
- (3) Caruman Peserta Penjelasan kepada Dana Penjelasan terdiri daripada:
 - (a) caruman tetap dan berubah kepada Dana Penjelasan yang dikehendaki di bawah Kaedah 9.02(4) dan dicerminkan dalam Penyata Dana Penjelasan terkininya; tambah
 - (b) semua amaun (jika ada) yang diminta daripada Peserta Penjelasan mengikut Kaedah 9.02(1), selepas pengeluaran Penyata Dana Penjelasan terkini dan sehingga 100% daripada amaun yang dirujuk dalam Kaedah 9.02(3)(a); tambah
 - (c) semua caruman (jika ada) yang diterima daripada Peserta Penjelasan mengikut Kaedah 9.02(1), selepas pengeluaran Penyata Dana Penjelasan terkini dan melebihi 100% daripada amaun yang dirujuk dalam Kaedah 9.02(3)(a); tolak
 - (d) perkongsian kerugian, jika ada, yang dikira mengikut Kaedah 9.08 atau Kaedah 9.09(4), selepas pengeluaran Penyata Dana Penjelasan terkini.
- (4) Peserta Penjelasan mesti mencarum kepada Dana Penjelasan:
 - (a) amaun tetap yang akan ditentukan oleh Pusat Penjelasan sehingga maksimum sebanyak RM1.75 juta; dan
 - (b) amaun berubah yang dikira dengan cara yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (5) Pusat Penjelasan akan menilai semula apa-apa caruman kepada Dana Penjelasan yang diserah simpan dengannya menurut Kaedah 9.02(1) pada masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (6) Jika penilaian semula di bawah Kaedah 9.02(5) menyebabkan Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan kurang daripada amaun caruman yang mesti dibuat oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan mesti membayar kekurangan itu kepada Pusat Penjelasan dalam apa-apa masa yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (7) Jika Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan melebihi amaun caruman yang mesti dibuat oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan boleh meminta Pusat Penjelasan untuk membayar lebihan tersebut selepas memberikan notis dalam bentuk dan masa yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

- (8) Jika Peserta Penjelasan telah menyerahkan notis peletakan jawatan menurut Kaedah 3.31 sebelum membuat tuntutan terhadap Dana Penjelasan, Peserta Penjelasan itu tidak perlu membuat apa-apa caruman lain kepada Dana Penjelasan sebagai respons kepada permintaan yang dibuat menurut Kaedah 9.02(1) berhubung dengan tuntutan tersebut.

9.03 Penyata Dana Penjelasan

Pusat Penjelasan akan mengeluarkan Penyata Dana Penjelasan kepada setiap Peserta Penjelasan, pada masa sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan, yang mengandungi maklumat berkaitan perkara yang berikut:

- (a) caruman tetap dan berubah kepada Dana Penjelasan yang dikira mengikut Kaedah 9.02(4);
- (b) amaun caruman yang terkandung dalam caruman tetap dan berubah Peserta Penjelasan kepada Dana Penjelasan yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan; dan
- (c) apa-apa caruman lain yang dikehendaki mengikut Kaedah 9.02(1) atau apa-apa lebihan yang boleh dituntut balik oleh Peserta Penjelasan menurut Kaedah 9.02(7).

9.04 Pengambilan daripada sumber Pusat Penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan boleh mengambil apa-apa sumbernya kepada Dana Penjelasan.
- (2) Jika amaun yang diambil daripada sumber Pusat Penjelasan kepada Dana Penjelasan merupakan lebihan kepada keperluan Dana Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh mengambil amaun tersebut daripada Dana Penjelasan, sama ada secara sementara atau tetap.

9.05 Sumber tambahan kepada Dana Penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan boleh membuat perkiraan, kemudahan bank dan polisi insurans tambahan, seperti yang dianggap wajar olehnya bagi tujuan menyediakan sumber tambahan kepada Dana Penjelasan.
- (2) Pusat Penjelasan boleh menamatkan perkiraan tersebut pada bila-bila masa.
- (3) Kos dan perbelanjaan untuk membuat perkiraan tersebut hendaklah dibayar menggunakan faedah atau jumlah lain yang terakru kepada Dana Penjelasan.
- (4) Pusat Penjelasan boleh menghendaki Peserta Penjelasan membayarnya balik berhubung dengan kos dan perbelanjaan untuk membuat perkiraan tersebut, dan amaunnya hendaklah melebihi amaun yang perlu dibayar menggunakan faedah atau jumlah lain yang terakru dalam Dana Penjelasan, secara pro rata kepada amaun caruman masing-masing yang dikehendaki di bawah Kaedah 9.02(4) atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dianggap adil dan wajar oleh Pusat Penjelasan.

9.06 Tujuan Dana Penjelasan

Pusat Penjelasan boleh menggunakan Dana Penjelasan, satu kali atau lebih, untuk membayar kerugian atau kerugian yang dijangka jika:

- (a) mana-mana Peserta Penjelasan gagal melepaskan apa-apa obligasinya kepada Pusat Penjelasan apabila perlu dibayar; atau

- (b) mana-mana institusi kewangan atau organisasi pusat penjelasan gagal melaksanakan apa-apa obligasi kepada Pusat Penjelasan apabila perlu dibayar disebabkan ketaksovenan, penerimaan, penggantungan operasi untuk tempoh masa yang tidak pasti atau penggantungan pembayaran atau disebabkan apa-apa kejadian yang serupa.

9.07 Penggunaan Dana Penjelasan

Tanpa menjelaskan hak Pusat Penjelasan untuk menggunakan sumber lain yang tersedia dalam Dana Penjelasan dan tertakluk kepada syarat apa-apa jaminan, kemudahan, polisi atau aset lain yang membentuk sebahagian daripada sumber Dana Penjelasan, Dana Penjelasan boleh digunakan mengikut urutan keutamaan yang berikut:

- (a) pertama, caruman yang dibuat oleh Peserta Penjelasan yang ingkar (jika berkenaan);
- (b) kedua, amaun yang diambil oleh Pusat Penjelasan daripada sumbernya ke dalam Dana Penjelasan menurut Kaedah 9.04;
- (c) ketiga, caruman yang dibuat oleh semua Peserta Penjelasan lain (atau semua Peserta Penjelasan jika Kaedah 9.07(a) tidak berkenaan) dalam kadar yang dinyatakan dalam Kaedah 9.08; dan
- (d) akhir sekali, sumber tambahan seperti kemudahan bank dan polisi insurans yang diperoleh menurut Kaedah 9.05.

9.08 Agihan kerugian

- (1) Jika Dana Penjelasan digunakan menurut Kaedah 9.07, kadar amaun keseluruhan yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan selepas menggunakan dana yang dirujuk dalam Kaedah 9.07 akan dikenakan terhadap semua Peserta Penjelasan selain Peserta Penjelasan yang ingkar mengikut cara yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “perkongsian kerugian”).
- (2) Pusat Penjelasan akan mengeluarkan penyata yang memaklumkan Peserta Penjelasan tentang perkongsian kerugiannya.
- (3) Tertakluk kepada Kaedah 9.02(8) dan 9.09(3), Peserta Penjelasan mesti membayar perkongsian kerugiannya kepada Dana Penjelasan dalam apa-apa masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (4) Sebaik sahaja tamat tempoh yang dibenarkan untuk membuat pembayaran mengikut Kaedah 9.08(2), Pusat Penjelasan akan mengira semula caruman Peserta Penjelasan kepada Dana Penjelasan.

9.09 Pengehadan liabiliti Peserta Penjelasan kepada Dana Penjelasan

- (1) Amaun yang dikenakan terhadap Peserta Penjelasan mengikut Kaedah 9.08(1) mesti dibayar terlebih dahulu menggunakan Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan.
- (2) Tertakluk kepada Kaedah 9.02(8) dan 9.09(3), jika Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan tidak mencukupi untuk membayar perkongsian kerugiannya, Peserta Penjelasan bertanggungjawab untuk membayar kurangan tersebut kepada Dana Penjelasan.
- (3) Peserta Penjelasan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada tambahan 100% daripada amaun semasa bagi caruman tetap dan berubahnya kepada Dana Penjelasan seperti yang dinyatakan dalam Penyata Dana Penjelasan terkininya jika:
 - (a) dalam tempoh satu Hari Berurus Niaga selepas dimaklumkan oleh Pusat Penjelasan

- tentang perkongsian kerugiannya, Peserta Penjelasan memaklumkan Pusat Penjelasan secara bertulis bahawa ia akan menamatkan Penyertaannya;
- (b) tiada Kontrak Niaga Hadapan atau Opsyen dikemukakan kepada Pusat Penjelasan untuk Pendaftaran selepas memberikan notis tersebut, kecuali kontrak untuk pelikuidasian serta-merta melalui offset; dan
 - (c) Peserta Penjelasan menutup atau memindahkan Kedudukan Terbukanya seberapa segera yang mungkin.
- (4) Jika Peserta Penjelasan menggunakan haknya di bawah Kaedah 9.09(3), baki perkongsian kerugiannya (dirujuk dalam perenggan ini sebagai "kekurangan") akan dikenakan terhadap setiap Peserta Penjelasan lain pada kadar kekurangan yang dikira dengan cara yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, dan peruntukan Kaedah-kaedah ini akan terpakai ke atas setiap Peserta Penjelasan lain berhubung dengan liabilitinya untuk membayar kadar kekurangan itu.
- (5) Peserta Penjelasan yang telah menggunakan haknya di bawah Kaedah 9.09(3) tidak layak dimasukkan semula ke dalam Penyertaan melainkan ia bersetuju untuk membayar balik Peserta Penjelasan lain bagi kekurangan pada masa permohonan kemasukan semula atau amaun lain seperti yang dianggap adil dan saksama oleh Pusat Penjelasan dalam keadaan itu.

9.10 Notis kepada Peserta Penjelasan

Apabila apa-apa caj dikenakan terhadap Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan mengikut Kaedah 9.08 atau 9.09(4), Pusat Penjelasan mesti memberitahu Peserta Penjelasan dengan segera tentang amaun caj itu.

9.11 Kuasa untuk menyandarkan Dana Penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan boleh menyandarkan Dana Penjelasan, secara keseluruhan atau sebahagian, sebagai sekuriti bagi pinjaman jika:
 - (a) Peserta Penjelasan telah mengingkari obligasinya dan Pusat Penjelasan gagal mendapat penghantarsahan segera atau menukar kepada tunai dengan segera, apa-apa aset Peserta Penjelasan atau apa-apa aset lain bagi Pusat Penjelasan; atau
 - (b) Pusat Penjelasan menanggung kerugian menurut Kaedah 9.06 dan memilih untuk meminjam dana sebagai ganti mengecaj kerugian itu kepada Dana Penjelasan.
- (2) Pinjaman menurut Kaedah 9.11(1) tidak boleh melebihi amaun yang diperlukan untuk memenuhi obligasi Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan dan organisasi pusat penjelasan lain dan mesti dibayar balik oleh Pusat Penjelasan seberapa segera yang mungkin.
- (3) Pinjaman menurut Kaedah 9.11(1) tidak akan dicaj terhadap Dana Penjelasan dan tidak menjaskankan amaun atau pemasaan apa-apa caj yang sebaliknya perlu dibuat terhadap Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan.

9.12 Pembayaran balik caruman

- (1) Jika Peserta Penjelasan tidak lagi menjadi Peserta Penjelasan, sama ada akibat peletakan jawatan atau selainnya, tertakluk kepada Kaedah 9.12(2) dan 9.12(3), jumlah yang setara dengan Caruman Dana Penjelasannya mesti dikembalikan.
- (2) Pusat Penjelasan boleh mengembalikan Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan jika:
 - (a) obligasi Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan telah dipenuhi; atau
 - (b) dengan kebenaran Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan lain bersetuju untuk menanggung obligasi Peserta Penjelasan itu kepada Pusat Penjelasan; atau

- (c) Peserta Penjelasan telah mengemukakan tanggung rugi dan jaminan kepada Pusat Penjelasan seperti yang dianggap memuaskan oleh Pusat Penjelasan mengikut budi bicara tunggalnya.
- (3) Pusat Penjelasan boleh menahan atau menolak daripada apa-apa amaun yang boleh dikembalikan kepada Peserta Penjelasan di bawah Kaedah 9.12 ini:
 - (a) semua caj terhadap Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan kerana transaksi yang dibuat oleh Peserta Penjelasan; dan
 - (b) semua amaun yang perlu dibayar dan kena dibayar oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan.

9.13 Mendapatkan amaun kehilangan

- (1) Jika caj dikenakan terhadap Caruman Dana Penjelasan Peserta Penjelasan mengikut Kaedah 9.08 atau 9.09 dan amaun itu didapatkan oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, amaun yang didapatkan itu mesti dibayar kepada Peserta Penjelasan tolak apa-apa perbelanjaan atau kos yang ditanggung oleh Pusat Penjelasan semasa mendapatkan amaun itu.
- (2) Amaun yang perlu dibayar kepada setiap Peserta Penjelasan akan berkadar dengan amaun caruman yang dibuat oleh Peserta Penjelasan yang relatif kepada amaun caruman yang dibuat oleh semua Peserta Penjelasan berhubung dengan kejadian yang menyebabkan caj itu dikenakan terhadap Peserta Penjelasan di bawah Kaedah 9.08.

9.14 Pelaburan Dana Penjelasan

Pusat Penjelasan boleh melabur, mengurus dan menggerakkan tunai dalam Dana Penjelasan dengan cara seperti yang dianggap patut atau suai manfaat oleh Pusat Penjelasan.

[Bab Tamat]